

29 AUG 2000

CADANGAN TERENGGANU TAK DATANGKAN MASALAH KEPADA PUSAT -- PM

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan kerajaan negeri Terengganu untuk membina sendiri bahagian Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) di negeri itu tidak akan menimbulkan apa-apa masalah kepada kerajaan Persekutuan.

"Dia sanggup, tak apalah... tak jadi masalah kepada kita, dia duit banyak," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Abdul Hadi Awang bahawa langkah itu akan diambil jika kerja pembinaan lebuh raya itu tidak dijalankan serentak di Pahang dan Terengganu.

Dr Mahathir bercakap pada sidang media selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan lebih 500 pegawai hal ehwal Islam dari seluruh negara di sini.

"Kalau dia buat lebuh raya yang tak bertemu dengan lebuh raya kita, yang itu dia punya masalah," katanya lagi.

Semalam, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dilaporkan sebagai berkata bahagian LPT di Terengganu mungkin tidak sejajar dan tidak akan disambungkan dengan apa yang dirancang kerajaan Persekutuan di Pahang.

Mengikut perancangan, LPT sepanjang 338km berharga RM2.8 bilion itu akan menghubungkan Karak di Pahang dan Cendering di Terengganu.

-- BERNAMA

MAM ZS NMO